BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No Ruj.: 02/14/02

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1800 hari Rabu, 12 Februari 2014

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEEMPAT 2013

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi Malaysia berkembang 5.1% pada suku keempat 2013

Aktiviti ekonomi global bertambah baik pada suku keempat dalam keadaan terdapatnya pemulihan secara beransur-ansur dalam ekonomi utama. Meskipun masih terdapat ketidaktentuan fiskal, ekonomi Amerika Syarikat mencatat pertumbuhan lebih kukuh disebabkan oleh penggunaan dan pelaburan yang bertambah baik. Di kawasan euro, peningkatan eksport yang sederhana menyokong pertumbuhan, namun isu struktural dan fiskal memberikan tekanan terhadap permintaan dalam negeri. Rantau Asia terus mencatat pertumbuhan apabila prestasi eksport yang lebih baik telah mengimbangi permintaan dalam negeri yang semakin sederhana. Ekonomi Malaysia juga berkembang sebanyak 5.1% pada suku keempat 2013 (S3 2013: 5.0%), disokong oleh permintaan sektor swasta dan peningkatan eksport. Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama terus berkembang, disokong oleh aktiviti dalam negeri dan perdagangan. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim (quarter-on-quarter seasonally adjusted), ekonomi negara mencatat pertumbuhan sebanyak 2.1% (S3 2013: 1.7%). Bagi tahun 2013, ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.7%.



Pertumbuhan penggunaan swasta kekal tinggi pada suku keempat walaupun pada kadar yang sederhana (7.3%; S3 2013: 8.2%). Perbelanjaan isi rumah terus disokong oleh keadaan guna tenaga yang stabil dan pertumbuhan upah yang mampan, khususnya dalam sektor berorientasikan dalam negeri. Penggunaan awam meningkat dengan sederhana kepada 5.1% (S3 2013: 7.8%), mencerminkan perbelanjaan Kerajaan yang lebih rendah untuk emolumen.

Pembentukan modal tetap kasar meningkat sebanyak 5.8% (S3 2013: 8.6%), didorong perbelanjaan modal sektor swasta yang teguh dalam keadaan pelaburan awam yang menguncup. Pertumbuhan dalam pelaburan swasta bertambah baik kepada 16.5% (S3 2013: 15.2%), disebabkan perbelanjaan modal yang lebih tinggi dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pelaburan awam merosot sebanyak 2.7% (S3 2013: -1.3%), mencerminkan perbelanjaan modal perusahaan awam yang semakin sederhana dalam keadaan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan yang menguncup sedikit.

Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama. Sektor perkhidmatan meningkat seiring dengan aktiviti sektor perdagangan dan perkilangan yang bertambah baik. Sektor perkilangan terus berkembang disokong oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam industri berorientasikan eksport dan dalam negeri. Pertumbuhan sektor pembinaan kekal kukuh, disokong oleh aktiviti dalam subsektor bukan kediaman dan kediaman. Sebaliknya, sektor komoditi merosot disebabkan oleh pengeluaran getah, minyak sawit dan minyak mentah yang lebih rendah.

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat kepada 3.0% pada suku keempat (S3 2013: 2.2%). Peningkatan inflasi pada suku keempat sebahagian besarnya mencerminkan pelarasan menaik terhadap harga keluaran petroleum dan gula serta kenaikan duti eksais tembakau. Gangguan bekalan berikutan keadaan cuaca yang buruk juga menyebabkan harga makanan yang lebih tinggi.

Lebihan perdagangan meningkat kepada RM27.4 bilion pada suku keempat (S3 2013: RM18.6 bilion). Eksport kasar meningkat pada kadar yang lebih pantas sebahagian besarnya mencerminkan ekonomi global yang bertambah baik sementara import kasar juga meningkat pada kadar yang lebih cepat disebabkan terutamanya oleh permintaan dalam negeri yang mampan. Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM9.7 bilion pada suku keempat (S3 2013: aliran keluar bersih sebanyak RM11.5 bilion) memandangkan aliran masuk bersih pelaburan langsung telah diimbangi oleh aliran keluar pelaburan lain. Imbangan pembayaran keseluruhan mencatat defisit yang kecil sebanyak RM2.9 bilion pada suku keempat (S3 2013: lebihan sebanyak RM11.8 bilion).

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM441.7 bilion (bersamaan dengan USD134.9 bilion) pada 31 Disember 2013. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 30 Januari 2014, rizab berjumlah RM436.0

bilion (bersamaan dengan USD133.1 bilion) yang memadai untuk membiayai 9.4 bulan import tertangguh dan ialah 3.4 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) kekal pada 3.00% pada suku keempat 2013. Pada paras semasa OPR, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi.

Kadar deposit runcit adalah stabil pada suku tersebut. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Kadar pinjaman asas (BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53%. Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul terus menunjukkan trend yang beransur-ansur sederhana (akhir bulan Disember 2013: 5.36%; akhir bulan September 2013: 5.40%). Ini mencerminkan matangnya pinjaman yang dikeluarkan sepanjang tempoh kos peminjaman yang lebih tinggi sebelum OPR diturunkan pada tahun 2008 dan 2009 serta tambahan pinjaman baharu pada kadar yang secara relatifnya lebih rendah.

Agregat monetari terus mencatat pertumbuhan positif pada suku keempat. Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM17.9 bilion. Pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 13.0% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2013: 12.9%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM25.4 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan 8.1% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2013: 7.4%). Pengembangan M3 pada suku keempat didorong terutamanya oleh peningkatan dalam pemberian pinjaman sistem perbankan kepada sektor swasta. M3 juga berkembang berikutan peningkatan sederhana dalam aset asing bersih sistem perbankan.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal meningkat kepada RM302.8 bilion pada suku keempat (S3 2013: RM260.6 bilion). Pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul berkembang pada kadar tahunan 9.9% pada akhir bulan Disember (akhir bulan September 2013: 8.8%). Sementara itu, dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM33.7 bilion pada suku keempat (S3 2013: RM17.8 bilion).

Pergerakan ringgit dan mata wang serantau lain pada suku keempat didorong terutamanya oleh perkembangan di luar negeri. Jangkaan dan pengumuman sebenar pengecilan skala program pelonggaran kuantitatif (quantitative easing, QE) oleh Federal Reserve AS telah mengakibatkan aliran keluar dana daripada pasaran kewangan serantau. Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 0.7% berbanding dengan dolar AS pada suku tersebut. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-2.6%) dan euro (-2.8%), tetapi menambah nilai berbanding dengan yen Jepun (6.3%). Ringgit menunjukkan prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Antara 1 Januari hingga 10 Februari, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 1.5%. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-3.8%), paun sterling (-1.1%) dan euro (-0.2%) serta beberapa mata wang serantau.

Kestabilan kewangan terus terpelihara

Sistem kewangan domestik terus berdaya tahan pada suku keempat, meskipun pasaran kewangan global dan domestik mengalami turun naik yang berterusan serta persekitaran yang mencabar. Penilaian terhadap risiko kepada kestabilan kewangan menunjukkan bahawa pengantaraan kewangan terus disokong dengan baik oleh institusi kewangan yang kukuh, keadaan pasaran kewangan yang teratur dan keyakinan yang berterusan terhadap sistem kewangan.

Permodalan sistem perbankan terus kukuh. Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (CET1), nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12%, 12.8% dan 14.3%. Penampan modal bank yang melebihi tahap keperluan jumlah modal minimum berjumlah lebih daripada RM77 bilion. Begitu juga, nisbah kecukupan modal sektor insurans kekal kukuh pada 245.9% (S3 2013: 236.7%), dengan lebihan penampan modal sebanyak RM23.5 bilion.

Pemulihan global dan permintaan dalam negeri yang berdaya tahan akan terus menyokong pertumbuhan

Melangkah ke hadapan, pemulihan ekonomi global dijangka sederhana. Ekonomi maju yang terus bertambah baik akan memberikan kesan positif kepada perdagangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan yang berterusan mengenai pelarasan dasar monetari dan dasar fiskal ekonomi maju kekal sebagai risiko kepada pertumbuhan. Namun, pertumbuhan negara-negara di Asia dijangka disokong oleh keadaan luaran yang bertambah baik dalam keadaan permintaan dalam negeri yang semakin sederhana.

Bagi ekonomi Malaysia, permintaan dalam negeri akan terus menyokong pertumbuhan. Walaupun permintaan dalam negeri dijangka menjadi sederhana berikutan langkah konsolidasi fiskal yang sedang dilaksanakan, sektor luaran dijangka mendapat manfaat daripada keadaan global yang bertambah baik. Oleh yang demikian, ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat pertumbuhan yang stabil.

Bank Negara Malaysia
12 Februari 2014

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2012 (%)	2012		2013		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	7.3	5.6	1.0	2.1	0.2	2.1
Perlombongan	8.4	4.2	1.4	1.7	-1.5	0.5
Perkilangan	24.9	5.7	4.8	4.2	5.1	3.4
Pembinaan	3.5	17.6	18.1	10.1	9.7	10.9
Perkhidmatan	54.6	6.4	6.4	5.9	6.4	5.9
KDNK Benar	**100.0**[1]	**6.5**	**5.6**	**5.0**	**5.1**	**4.7**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**2.2**	**-**	**1.7**	**2.1**	**-**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2005)

	2012		2013		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan Tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	7.8	10.6	8.3	6.4	7.6
Penggunaan	4.9	7.1	8.1	6.7	7.3
Sektor swasta	*6.2*	*7.7*	*8.2*	*7.3*	*7.6*
Sektor awam	*1.2*	*5.1*	*7.8*	*5.1*	*6.3*
Pembentukan Modal Tetap Kasar	16.0	19.9	8.6	5.8	8.2
Sektor swasta	*20.1*	*21.9*	*15.2*	*16.5*	*13.6*
Sektor awam	*12.9*	*17.1*	*-1.3*	*-2.7*	*0.7*
Eksport Bersih	-9.3	-31.7	1.6	-11.2	-22.9
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*-1.6*	*-0.1*	*1.7*	*2.9*	*-0.3*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*-0.6*	*4.7*	*1.8*	*4.4*	*1.9*
KDNK	**6.5**	**5.6**	**5.0**	**5.1**	**4.7**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**2.2**	**t.d.**	**1.7**	**2.1**	**t.d.**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia